



Nama Dokumen:

**PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU
DIPLOMA/SARJANA MUDA**

No. Dokumen:

UniSZA. CoMAE-i. PK- 001

Tarikh Kuatkuasa:

01 OCT 2024

DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DILULUSKAN OLEH
 MOHD ASYRAF AZIZI BIN OTHMAN Penolong Pengawal Jabatan Pengambilan & Imbasan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu TARIKH:	 PROF. MADYATI BINTI WAN SHAMSUDDIN PENGARAH Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus ,Terengganu TARIKH:	 PROF. DR. ZUHAIRAH ARIFF BINTI ABD GHADAH Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sultan Zainal Abidin TARIKH:



SENARAI EDARAN SALINAN DOKUMEN TERKAWAL



REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.

1.0 TUJUAN

Dokumen ini menerangkan cara pengurusan pengambilan pelajar baharu melalui Seksyen Pengambilan dan Kemasukan, Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik (CoMAE-i).

2.0 SKOP

Dokumen ini merangkumi semua urusan pengendalian pengambilan pelajar baharu dan rayuan perdana bagi kemasukan ke program Diploma / Sarjana Muda melalui Bahagian Kemasukan Pelajar Awam (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

3.0 TANGGUNGJAWAB

Pendaftar dan Ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab menentukan prosedur ini diikuti semasa urusan pengambilan pelajar melalui Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik (Seksyen Pengambilan dan Kemasukan). Sesiapa yang terlibat dalam urusan pengambilan pelajar Sarjana Muda melalui Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik (Seksyen Pengambilan dan Kemasukan) perlu mematuhi prosedur ini.

4.0 DOKUMEN RUJUKAN

<u>Nama Dokumen Rujukan</u>	<u>Nombor Rujukan Dokumen</u>
4.1 Buku Panduan Kemasukan Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam – BPKP, JPT	-
4.2 Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin	-
4.3 Buku Peraturan Akademik	-

5.0 DAFTAR KATA

5.1 Definisi

- (a) Pelajar merujuk calon yang dipertimbangkan untuk kemasukan ke program Diploma / Sarjana Muda melalui secara dalam talian sistem BKPA, JPT (UPU Online).
- (b) Senarai pra-jaya merujuk senarai nama calon yang berjaya mendapat program dan tempat pengajian pilihan pertama yang dijana oleh sistem BKPA, JPT.


5.2 Singkatan

KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
BKPA	Bahagian Kemasukan Pelajar Awam
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
PCoMAE-i	Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik
KPTj	Ketua Pusat Tanggungjawab
KPP	Ketua Penolong Pendaftar
PF	Pengurusan Fakulti
PP	Penolong Pendaftar
PPK	Penolong Pendaftar Kanan
PPIR	Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian
PTPO	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
SPK	Seksyen Pengambilan dan Kemasukan
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin

6.0 PROSES KERJA

Tindakan	Tanggungjawab
Unjuran dan Syarat	
6.1 Hantar surat kepada setiap fakulti untuk menyediakan unjuran mengikut aliran/program/ kategori/ kaum dan syarat khas program kemasukan pelajar sesi akademik yang baharu.	PCoMAE-i
6.2 Sedia maklumat yang diperlukan dan sahkan di peringkat fakulti.	PF
6.3 Terima maklumat unjuran dari fakulti mengikut aliran/program/kategori/kaum dan syarat khas kemasukan program pelajar sesi akademik yang baharu.	PCoMAE-i
6.4 Selaras dan kemuka maklumat kemasukan pelajar ke Mesyuarat Pengurusan Akademik dan Mesyuarat Senat untuk perakuan dan kelulusan.	PCoMAE-i
6.5 Isi maklumat kemasukan yang disahkan ke Sistem UPUCentre, BKPA, JPT.	PCoMAE-i
6.6 Hadir Mesyuarat anjuran BKPA, JPT seperti berikut :- a) Mesyuarat Jawatankuasa Panduan Pemilihan b) Mesyuarat Tafsiran Syarat c) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal* d) Mesyuarat Pre-Council 1 e) Mesyuarat Pre-Council 2 f) Mesyuarat Pemilihan Bersama Perdana g) Mesyuarat Pemilihan Bersama Rayuan	KPP PP PPT PTPO PPIR*
6.7 Muat naik data jaya yang telah diproses oleh PPIR di laman sesawang UniSZA 6.7.1 Surat tawaran* 6.7.2 Maklumat Pendaftaran	PPIR PCoMAE-i*
6.8 Hebahan melalui laman sesawang UniSZA mengenai keputusan/tawaran kemasukan pelajar.	PPIR / KPP

7.0 CARTA ALIR



No. Dokumen	Nama Dokumen
UniSZA_CoMAE-i.PK-001	PENGAMBILAN PELAJAR BAHRU ASASI/DIPLOMA/SARJANA MUDA

8.0 REKOD KUALITI

BIL	REKOD	RUJUKAN	LOKASI	TEMPOH SIMPANAN
1.	Maklumat kemasukan	Sistem UPU Online	JPT, KPT	1 Tahun
2.	Minit mesyuarat Fail Pengambilan Pelajar	UniSZA.P/2/AK/652-1 UniSZA.P/2/AK/652-2	Bilik Fail	5 tahun
3.	Maklumat calon berjaya dalam laman sesawang UniSZA	Semakan Tawaran	Laman sesawang UniSZA	

9.0 DAFTAR RISIKO

Rujuk Lampiran A

10.0 DAFTAR ISU SHARIAH

Rujuk Lampiran B